

## KERATAN AKHBAR

(Bahagian Canselori)

Surat khabar: Utusan Sarawak (Tempatan)

Hari/Tarikh: 17/5/2016

Muka surat: 5

Tajuk : MEGAH iktiraf pencapaian mahasiswa

# MEGAH iktiraf pencapaian mahasiswa

**KOTA SAMARAHAN:** Sebanyak 31 anugerah telah disampaikan pada Majlis Apresiasi Gemilang UNIMAS (MEGAH) yang berlangsung di Arena Gemilang, DeTAR PUTRA UNIMAS.

Anugerah tersebut telah disampaikan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UNIMAS, Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman.

Dalam ucapan, Naib Canselor mengucapkan syabas dan tahniah kepada mahasiswa UNIMAS atas kejayaan mereka menganjurkan majlis tersebut.

Profesor Mohd Fadzil Abdul Rahman berkata, majlis tersebut dilihat sebagai landasan buat Universiti ini untuk mengiktiraf mahasiswa UNIMAS yang

telah menunjukkan prestasi dan pencapaian yang cemerlang sama ada dalam bidang akademik mahupun ko-kurikulum.

"Saya juga ingin mengingatkan pelajar UNIMAS untuk menghargai masa semasa menuntut di universiti ini kerana inilah peluang keemasan untuk menuntut ilmu pengetahuan dengan sebanyak mungkin dan juga peluang untuk mengetengahkan bakat-bakat dalam diri anda," katanya.

Beliau berkata, malahan ia mampu mempertingkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam menghadapi cabaran supaya menjadi lebih yakin semasa melangkah keluar dari Universiti setelah bergelar graduan kelak.

MEGAH merupakan

program yang mengiktiraf pencapaian dan kecermerlangan mahasiswa dan mahasiswi UNIMAS dalam pelbagai bidang dari segi akademik dan kokurikulum.

MEGAH juga merupakan program tahunan yang dianjurkan di bawah pentadbiran Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) UNIMAS sesi 2015/2016.

MEGAH dahulunya dikenali sebagai Majlis Anugerah Pelajar UNIMAS (MAPU).

Dalam penganugerahan tahun ini juga menyaksikan beberapa anugerah baharu seperti Anugerah Tun Abang Salahuddin, Anugerah Rentap dan Anugerah Usahawan Harapan.



TAHNIHAH... MEGAH merupakan program yang mengiktiraf pencapaian dan kecemerlangan pelajar UNIMAS dalam pelbagai bidang dari segi akademik dan kokurikulum.

Disedia...  
Bahagian Canselori